

Wabak bawa anjakan transformasi PdP di universiti

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak COVID-19, membawa kepada anjakan transformasi besar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan, berkata jika dilihat dari sudut positif, COVID-19 menjadi ejen yang mempercepat dan memperluas pelaksanaan PdP dalam talian sama ada di universiti awam (UA) atau IPT swasta (IPTS).

Beliau berkata, sejak 2015, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sudahpun menerapkan kaedah PdP dalam talian yang ketika itu dipanggil pembelajaran teradun sokongan, iaitu PdP kon-

vensional yang disokong dengan kaedah dalam talian.

“Dari segi persediaan pensyarah, ini bukan perkara baharu. Ketika itu, penerimaan dalam kalangan pensyarah di UPM ialah antara 20 hingga 30 peratus.

“Pada 2018, penerimaan sudah mencapai 60 peratus. Tahun lalu, Senat UPM memutuskan supaya semua kelas wajib mempunyai e-pembelajaran di mana kelas bersemuka boleh digantikan (dengan e-pembelajaran) sebanyak tiga minggu.

“Justeru, apabila berlaku krisis COVID-19, saya melihat ada hikmahnya, di mana ia menjadi ejen transformasi kepada kaedah e-pembelajaran lebih meluas dan boleh dilaksanakan dalam tempoh lebih lama,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Siri Wacana Khas

COVID-19: Pendidikan Tinggi Pasca COVID-19 (Perubahan atau Kesinambungan) yang disiarkan secara langsung melalui aplikasi Zoom dan YouTube.

Ahli panel lain ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Datuk Dr Noor Azizi Ismail; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Dr Mohd Shahir Shamsir dan Penolong Naib Canselor (Pengurusan Strategi dan Kualiti) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Dr Harshita Aini Haroon.

Timbalan Pengarah Strategi Korporat dan Komunikasi (CoS-Comm) UPM, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, pula bertindak sebagai moderator.

Mengulas isu jurang digital antara pelajar di bandar dengan luar

bandar dalam pelaksanaan e-pembelajaran, M Iqbal menjelaskan, beliau tidak melihat isu itu sebagai suatu amat kritikal jika IPT berbalik kepada matlamat untuk pelajar mencapai hasil pembelajaran berkenaan.

“Kita mempunyai dua kaedah pengajaran, iaitu segerak dan tidak segerak. Bagi pelajar mempunyai liputan Internet yang baik, kaedah segerak membabitkan masa sebenar dan interaktif, boleh dilakukan. Contohnya, melalui Zoom.

“Bagi yang tidak mempunyai liputan baik, pensyarah boleh merakamkan sesi e-pembelajaran berkenaan untuk dimuat turun oleh pelajar atau rakaman audio melalui Podcast atau nota Powerpoint yang diberikan kepada penuntut.

“Justeru bagi saya, selagi pelajar dapat mengenal pasti hasil

pengajaran yang mahu disampaikan, selagi itulah hasrat pengajaran itu akan tercapai,” katanya.

Sementara itu, Noor Azizi berkata, UMK tidak berdepan masalah dalam pelaksanaan e-pembelajaran kerana ia sudah giat dijalankan sejak 2016.

“Sebanyak 90 peratus pensyarah bersedia melaksanakannya. Kakitangan lain juga bekerja dari rumah untuk terus memastikan operasi universiti berjalan seperti biasa kerana beberapa keputusan penting perlu dibuat sepanjang PKP ini,” katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan e-pembelajaran dan perbincangan secara dalam talian juga membuka ruang untuk universiti membuat penjimatan, antaranya dari segi pergerakan yang memerlukan kos tinggi.